

**UCAPAN YB MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**
SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN PADA 25 MEI 2015

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang dihormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abd. Razak
Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)

YBhg. Dato' Halimi Bin Abd. Manaf
Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

YBhg. Datuk Hj. Mohammad Bin Mentek
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBrs. Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi

Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014
Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.

Alhamdullilah, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama di Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2014 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada hari ini. Pertamanya, saya ingin mengucapkan syabas kepada pengurusan Kementerian di atas penganjuran Majlis ini bagi memberikan pengiktirafan kepada warga KPKT yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2014.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebelum saya berucap lebih panjang, Saya dapat melihat akan kehadiran ramai warga KPKT daripada gred 17 sehingga Jusa, bersama-sama meraikan pemenang Anugerah Perkhidmatan Cemerlang malam ini. Tetapi saya ingin bertanya soalan kepada tuan-tuan dan puan puan. Pernahkah anda terfikir kenapa kita hadir di dalam dewan yang serba indah ini, adakah semata-mata ingin menerima sebuah anugerah

atau hanya menghadiri satu majlis makan malam? Pernah jua tuan-tuan dan puan-puan bertanyakan kepada diri sendiri, apa kelebihannya hadir walaupun tidak memenangi sebarang anugerah?

Saya pasti tujuan kita sama. Kita mahu melihat Malaysia untuk jadi yang terbaik di mata dunia. Kita mahu melihat kecemerlangan pentadbiran Negara diteruskan demi masa depan anak-anak kita. Kita memerah keringat dan berusaha sedaya upaya hari demi hari bagi memastikan segala usaha yang diberi mampu membawa nama Malaysia setanding dengan negara-negara maju yang lain. Jadi tidak hairanlah jika Anugerah seperti ini dijadikan landasan untuk menginspirasi dan memangkin lagi kemajuan Negara yang kita cintai. Aristotle pernah berkata, “Pengiktirafan dan ganjaran datang kepada mereka yang menunjukkan kualiti yang baik dalam perbuatannya”.

Saya sedar ada yang pulang hingga lewat malam, ada yang bermalam di pejabat. Ada yang tidak berjumpa keluarga berhari-hari dan ada juga yang tidak sempat masak untuk anak dan suami. Ada yang lakukan kerja di luar bidang hakiki, ada juga yang terlupa untuk makan tengahari. Ada yang berpanas menjaga keamanan negara dan ada juga yang berjuang hingga akhir hayat di dunia. Ini semua berpaksikan satu tujuan dan niat yang sama, bukan untuk menerima sebarang anugerah namun untuk terus berbakti kepada bangsa, agama dan Negara.

Jadikan anugerah ini sebagai galakan buat semua warga KPKT untuk terus memberikan sepenuh perhatian dan daya usaha bagi menjadikan perkhidmatan Kerajaan terus kekal sebagai sebuah perkhidmatan yang diyakini oleh rakyat dan menepati kehendak mereka. Pengiktirafan ini seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan semua warga Kementerian untuk memastikan kita dapat bergerak bersama-sama menuju kegemilangan Negara.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tahun 2014 merupakan tahun yang amat mencabar dan begitu menduga bagi kita dengan pelbagai tragedi. Malaysia telah diuji dengan tragedi penerbangan MH370 dan MH17. Malaysia sekali lagi diuji pada penghujung tahun dengan musibah banjir luar biasa yang telah melanda beberapa buah negeri di Pantai Timur dan Utara Semenanjung. Malah permulaan tahun 2015 ini juga telah memperlihatkan cabaran yang lebih hebat melalui kejatuhan harga minyak serta kemerosotan nilai Ringgit. Ini semua pastinya akan memberikan kesan terhadap tadbir urus Kerajaan secara amnya dan khususnya terhadap KPKT.

Saya akui, cabaran ini bukan mudah. Negara-negara lain juga akui cabaran yang kita lalui ini merupakan satu cabaran yang sukar untuk ditempuhi. Namun, segala halangan itu kita hadapi dan berjaya tangani dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh saudara dan saudari sekalian. Jiwa kita terganggu seketika tetapi kita bangun untuk buktikan yang walau badai melanda, kita akan pastikan Malaysia tetap utuh dan terus berjaya. Di hati kita juga kita percaya, usaha yang kita lakukan bukan untuk kesenangan hari ini sahaja, namun ia menjadi titik permulaan kepada kegemilangan yang akan dirasai oleh anak cucu kita. Teruskanlah menggalas dan merencana langkah-langkah terbaik demi kepentingan dan keperluan seluruh rakyat Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bagi merealisasikan misi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara High Income Advanced Economy menjelang tahun 2020, Kerajaan telah melaksanakan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Baru-baru ini juga, Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia ke Sebelas. Segala program transformasi yang dilaksanakan kerajaan ini mestilah diteliti dan ditelusi oleh warga KP KT agar ia menjadi landasan yang tepat dalam menuju ke arah negara maju.

Dalam usaha itu, kita tidak boleh berada selesa di bawah bumbung sendiri. Kita perlu terus meningkatkan lagi kolaborasi kita dengan pelbagai pihak berkepentingan sama ada antara kementerian, pihak swasta dan NGO. KP KT harus menyediakan platform bagi kolaborasi ini serta memastikan idea terus berkembang dan keputusan dapat dicapai dengan lebih baik.

Tambahan pula pada masa ini, keadaan kewangan memerlukan kita untuk mengamalkan perbelanjaan berhemah. Melalui kolaborasi ini lah, kita bukan sahaja boleh menjimatkan perbelanjaan Kerajaan, malah kita turut boleh meningkatkan prestasi kita melalui perkongsian sumber, pengetahuan dan kemahiran dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tatkala usaha perlaksanaan dan implementasi dilakukan, warga Kerajaan hendaklah berusaha memastikan integriti pentadbiran awam berada di tahap yang tinggi. Pegawai mestilah bersih daripada rasuah dan menjaga imej sebagai penjawat awam. Dukung nilai-nilai murni dan profesionalisme pada tahap tertinggi kerana ia merupakan asas atau tunjang utama kepada kelangsungan kejayaan dan kemakmuran negara.

Di samping itu, integriti turut diterjemahkan dalam penggunaan media sosial. Sejak kebelakangan ini, kita sering kali mendengar tentang isu kebocoran maklumat kerajaan yang tersebar melalui media sosial. Isu-isu ini sebenarnya akan hanya mencemarkan nama baik penjawat awam itu sendiri kerana tiada sifat amanah dan berintegriti semasa menjalankan tugas. Saya menyeru agar tuan-puan warga KP KT menggunakan platform media sosial secara berhemah dan bertanggungjawab agar kita sama-sama dapat menjaga imej penjawat awam dan Kerajaan.

Hadirin dan hadirat sekalian.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua penerima APC bagi Tahun 2014 dan juga kepada jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ini. Teruskanlah usaha anda untuk menjadi yang terbaik kepada diri dan kepada Negara. Tidak kira sama ada anda adalah pemenang anugerah ataupun tidak, gunakanlah platform ini untuk sama-sama mendukung usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Berkerjasamalah sebagai satu pasukan dan berusahalah untuk berubah daripada amalan biasa untuk melaksanakan usaha-usaha ini. Saya akhiri ucapan saya dengan

memetik kata-kata John F. Kennedy Presiden ke-35 Amerika Syarikat, "Setiap individu itu boleh melakukan perubahan dan setiap individu itu perlu cuba sebaiknya untuk melakukan perubahan".

Sekian, wabillahhitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh.

Terima kasih.